

Title : Rap Pandu Mandu

Composer : Bani Farook

Lyricist : Bani Farook (Rap : Bani Farook / Nasri Haron)

Kalau memandu harus hati-hati
Jangan ikut perasaan

Inilah lagu panduan memandu
Pandulah dengan selamat

Ada yang cuai selalu
Si pemabuk juga pandu
Akibatnya sangat bahaya
Ada juga yang meluru
Memotong tidak menentu
Jangan kamu buat begitu
Nanti kamu yang akan binasa

Rap 1

Hey! pemandu marilah dengar
Syarat ringkas, pasanglah telinga
Periksa dulu mobil anda
Janganlah tergesa-gesa

Rap 2

Roda kenderaan janganlah botak
Periksa lampu jangan tidak tidak
Tali pinggang keledar diguna
Baru mula perjalanan anda

Lazimnya kita pandu laju-laju
Ini sangat merbahaya

Kalau memandu harus hati-hati
Jangan ikut perasaan
Pemandu muda irgatkan ini
Apabila anda memandu
Beri jalan pada pejalan kaki
Bersamalah kita selalu
Papan tanda kita awasi
Tidak rugi buat begitu
Bertenanglah oh! kita selalu

Rap 3

Pejalan kaki dengarkan pesanan
Hati-hati bila dijalanan
Banyak terdapat jejatas, jabanah
Marilah kita menggunakannya

Rap 4

Warga tua kurang penglihatan
Pandu mandu denganlah perlahan
Anak muda janganlah tergesa
Beri jalan kepada yang tua

Rap 5

Hey penunggang jangan ikut rasa
Jalan raya bukannya arena
Bukan tempat beradu berlumba
Tersilap langkah buruk pada nya

Rap 6

Penunggang bijak tidak kan memecut
Tidak mahu menempah maut
Berhati hati bukan erti takut
Itu amalan yang harus diikuti

Rap 7

Ramai sudah dikatakan hebat
Telah kecundang terima akibat
Kaum keluarga menanggung sama
Cuba fikirkan buat seketika

Rap 8

Motosikal kenderaan berguna
Membawa kita ke mana mana
Bersabar selalu patuhi isyarat
Selalu cermat, jiwa selamat yo!

Repeat Rap 1 and 2

Hati hati dijalan raya
Jangan kita tergesa-gesa
Beri jalan kepada yang perlu
Bersopan kita ingatlah selalu

Kalau hujan
Pandulah perlahan
Jarak-jarakan perjalanan

Pandu cekap di mana mana
Ingat semua panduan berguna

Repeat Rap 3 and 4